

SALBUTAMOL SYRUP

Salbutamol sulphate 2.41mg/5ml

Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan SALBUTAMOL SYRUP
2. Bagaimana SALBUTAMOL SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan SALBUTAMOL SYRUP
4. Cara menggunakan SALBUTAMOL SYRUP
5. Semasa menggunakan SALBUTAMOL SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SALBUTAMOL SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SALBUTAMOL SYRUP

SALBUTAMOL SYRUP digunakan untuk melegakan :

- bronkospasma (pengecutan otot secara tiba-tiba dalam salur pernafasan di dalam paru-paru) dalam pelbagai jenis asma bronkial.
- bronkitis kronik(inflamasi pada tiub bronkus dalam salur pernafasan).
- emfisema (keadaan alveoli paru-paru yang mengembung dan rosak).

Bagaimana SALBUTAMOL SYRUP berfungsi

Salbutamol adalah sejenis stimulan beta-adrenergik kuat yang bebas daripada kesan sampingan kardiovaskular. Ia digunakan dalam rawatan penyakit asma dengan membantu pembukaan saluran pernafasan dan melegakan simptom-simptom seperti kesesakan dada, berdehit dan batuk.

Sebelum mengambil SALBUTAMOL SYRUP

Bila tidak boleh mengambil

Anda tidak boleh mengambil SALBUTAMOL SYRUP jika anda alah terhadap salbutamol sulphate atau bahan-bahan kandungan yang lain yang disenarai pada risalah ini.

Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai penggunaan SALBUTAMOL SYRUP jika anda mempunyai mana-mana keadaan yang berikut:

- mengandungi atau menyusukan anak
- hipertiroidisme (perembesan hormon tiroid yang berlebihan menyebabkan peningkatan kadar nadi dan kadar metabolisme)

- kencing manis
- penyakit jantung yang serius
- tekanan darah tinggi
- tirotoksikosis (perembesan hormon tiroid yang berlebihan)

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi juga jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

SALBUTAMOL SYRUP boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini jika ia digunakan dengan penyekat beta (ubat untuk penyakit jantung), propranolol (ubat untuk tekanan darah tinggi), MAOIs (ubat untuk kemurungan) dan *tricyclic antidepressant* (ubat untuk kemurungan).

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuknya ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan SALBUTAMOL SYRUP

Berapa banyak harus diambil

Dewasa dan kanak-kanak 14 tahun ke atas: Bermula dengan 5-15 ml tiga hingga empat kali sehari. Dos boleh ditambah sehingga maksimum 20ml empat kali sehari bergantung kepada keperluan.

Kanak-kanak 6 hingga 14 tahun: 5ml tiga hingga empat kali sehari. Dos boleh ditambah sehingga maksimum 60ml sehari dalam dos berasingan bergantung kepada keperluan.

Kanak-kanak 2 hingga 6 tahun: Bermula dengan 0.1mg/kg berat badan tiga kali sehari. Dos boleh ditambah sehingga 0.2mg/kg berat badan. Jangan melebihi 10ml tiga kali sehari bergantung kepada keperluan.

Kanak-kanak 2 tahun ke bawah: Tiada kajian mengenai dos yang sesuai.

Bila perlu diambil

SALBUTAMOL SYRUP perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda..

Berapa lama perlu diambil

SALBUTAMOL SYRUP perlu diambil dengan tetap dan selama mana mengikut nasihat doktor anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat

berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan sekiranya berlaku gejala seperti sawan, angina (sakit dada), takikardia (kadar degupan jantung yang cepat) , *tremor* (gerakan yang berulang-ulang tanpa dapat dikawal pada anggota-anggota badan), tekanan darah tinggi atau rendah, aritmia, gemuruh, sakit kepala, mulut kering, loya, pening, keletihan, kelesuan dan insomnia.

Semasa menggunakan SALBUTAMOL SYRUP

Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil SALBUTAMOL SYRUP.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini harus digunakan dengan berhati-hati kepada pesakit penyakit tiroid dan kencing manis. Pesakit dengan keadaan asma yang teruk atau tidak stabil tidak boleh dirawat dengan ubat ini sahaja. Sila berjumpa dengan doktor anda untuk berbincang tentang rawatan lanjut.

Kesan-kesan sampingan

SALBUTAMOL SYRUP mungkin akan menyebabkan tremor ringan pada otot, kekejangan otot, degupan jantung yang tidak tetap, rasa tegang, rasa mengantuk dan sakit kepala.

Sila berjumpa dengan doktor ataupun ahli farmasi secepat mungkin sekiranya anda pernah mengalami kesan sampingan seperti yang dinyatakan di atas ataupun kesan lain yang tidak dinyatakan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers*→*Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan
SALBUTAMOL SYRUP**

Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

Cara pelupusan

SALBUTAMOL SYRUP perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

SALBUTAMOL SYRUP adalah larutan jernih tidak berwarna ke warna kuning berperisa strawberi.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-

Salbutamol sulphate

Bahan-bahan tidak aktif-

Sucrose

Glycerine

Sodium Benzoate

Sodium Citrate

Citric Acid

Strawberry Oil

Povidone

Nombor MAL

MAL19962583AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

05 May 2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)181214/00081